

BERITA HARIAN

DATE: 31 / 08 / 2007

# Pak Lah minta rakyat kekal muafakat

Oleh Anwar Hussin

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak masyarakat majmuk Malaysia memelihara semangat permuafakatan dan kerjasama yang menjadi tonggak kekuatan negara sejak awal kemerdekaan.

Perdana Menteri berkata, pembangunan negara yang dinikmati sekarang adalah hasil perpaduan terjalin antara rakyat pelbagai kaum dan agama selama ini.

“Nyata sekali, kejayaan negara sejak dari dulu adalah dibina atas usaha bersama rakyatnya dan kita mesti berikrar untuk berpegang kepada semangat ini dengan terus bersatu tanpa memberi penekanan kepada identiti warga atau amalan ekstremis agama.

“Kita juga mesti menghalang ketidakadilan sehingga boleh mence-

tuskan keraguan dan kebimbangan terhadap jaminan masa hadapan rakyat,” katanya sempena pelancaran Ekspo Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam. Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Abdullah berkata, menjadi harapannya supaya Malaysia kekal aman dan stabil, rakyatnya saling memahami dan menghormati serta berpegang kepada konsep keadilan agar kemakmuran dapat dinikmati bersama.

Beliau berkata, ketika negara menyambut suasana gembira 50 tahun kemerdekaan, semua lapisan rakyat sewajarnya memberi perakuan tidak akan mempersia-siakan segala pengorbanan yang dilakukan oleh pejuang kemerdekaan negara.

“Marilah kita berusaha untuk menjanjikan satu masa depan yang

cerah untuk anak-anak kita,” katanya.

Perdana Menteri berkata kemerdekaan negara berjaya diperjuangkan tanpa pertumpahan darah dan lebih penting lagi kemerdekaan 50 tahun lalu itu diperoleh hasil daripada tuntutan bersama rakyat pelbagai kaum yang menunjukkan semangat perpaduan begitu tinggi sekali.

Abdullah juga meminta rakyat tidak leka dan terlupa mengenai cabaran yang dilalui oleh rakyat pada masa dulu.

“Mungkin amat sukar sekali untuk membayangkan bahawa ketika dulu ada di antara kita yang terpaksa berkaki ayam ke sekolah, belajar di kelas beratap rumbia dan bercahaya api lilin ketika mengulang kaji di rumah.

“Kini anak-anak Malaysia, ramai yang tidak boleh hidup tanpa kom-

puter, tanpa internet, tanpa televisyen, tanpa telefon bimbit dan pelbagai lagi peralatan canggih yang mahal harganya,” katanya.

Dengan itu, beliau meminta rakyat bersyukur kerana dikurniakan dengan negara yang sentiasa dilindungi daripada malapetaka serta dipimpin ramai tokoh berwawasan jauh.

Katanya, ketika negara mencapai kemerdekaan, rakyat Tanah Melayu hanya berjumlah lima juta dengan peruntukan kerajaan di bawah Rancangan Pembangunan Pertama bagi tempoh 1956 hingga 1960 hanya RM110 juta berbanding RM220 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

“Segala pengorbanan pejuang sebelum ini kini membuah hasil, contohnya Felda, agensi yang ditubuhkan di bawah Rancangan Pembangunan Pertama, kini menjadi syarikat yang amat disegani,” katanya.

BH- 31/8/2007